

# Adat Resam Masyarakat Malaysia



ZURAIHA BINTI MOHD ZAIN  
NORAINI BINTI SULAIMAN  
SITI AISHAH BINTI OTHMAN

P E N G A J I A N A M

# **Adat Resam Masyarakat Malaysia**

ZURAIHA BINTI MOHD ZAIN  
NORAINI BINTI SULAIMAN  
SITI AISHAH BINTI OTHMAN

**Penasihat**

Nurhaida Binti Abdullah Hadi  
Wan Nor Hasnah Binti Wan Yunus

**Editor**

Zuraiha Binti Mohd Zain

**Penulis**

Zuraiha Binti Mohd Zain  
Noraini Binti Sulaiman  
Siti Aishah Binti Othman

**Konsep dan Susun Atur E-buku**

Izzat Amin Bin Mohd Nasir

Terbitan Edisi 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

e ISBN 978-967-0855- 93-6

**Diterbitkan oleh:**

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim Hi-Tech Park  
09090 Kulim  
Kedah

Adat Resam Masyarakat Malaysia

# PENDAHULUAN

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas limpahan kurniaNYA, sempurnalah penghasilan e-buku kami ini. Terima kasih dan setinggi penghargaan buat pengurusan tertinggi Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Jawatankuasa E-Learning PTSB dan Ketua Jabatan Pengajian Am khususnya kerana telah memberikan peluang kepada kami menerbitkan e-buku ini. Kejayaan dalam merealisasikan e-buku kali ini merupakan hasil komitmen jitu dan motivasi tinggi kerja berpasukan yang dianggotai oleh Zuraiha binti Mohd Zain, Noraini binti Sulaiman dan Siti Aishah binti Othman mewakili Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, PTSB.

E-buku ini memfokuskan adat resam tiga kaum terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India yang bertujuan memberi pengetahuan dan pemahaman yang lebih jelas amalan setiap kaum tersebut serta penghayatannya. Ia juga dilengkapi dengan ilustrasi gambar-gambar yang menarik mengikut kaum serta disediakan juga soalan latihan pengukuhan.

Harapan kami agar semua kaum saling memahami, bertolak ansur dan menjaga maruah dalam membudayakan adat resam masing-masing. Diharapkan penerbitan ini menjadi rujukan dan panduan para pelajar, pensyarah serta semua lapisan masyarakat. Semoga sumbangan kecil ini bermanfaat dan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

# ABSTRAK

Adat merupakan *nexus* iaitu titik pertemuan yang melibatkan adanya interaksi antara manusia dengan alam. Malah kewujudannya juga berbeza berdasarkan faktor suasana tempat dan mentaliti yang didiami oleh sesebuah masyarakat. Adat sifatnya adalah dinamis tidak statik, iaitu sentiasa berubah berdasarkan keperluan anggota masyarakat atau anggota adat. Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan kaum yang terdiri daripada tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India manakala Malaysia Timur sendiri terdiri daripada beratus-ratus etnik peribumi. Kepelbagaian kaum dan sejarah yang panjang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan latar budaya yang berbeza. E-buku ini mengandungi adat budaya masyarakat Melayu, Cina dan India yang merangkumi adat perkahwinan, kematian dan perayaan yang menjadi identiti setiap kaum. Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum ini sangat kaya dengan berbagai adat yang diwarisi dari turun temurun. w

# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN .....</b>	<b>vi</b>
<b>PENGENALAN ADAT RESAM MASYARAKAT MALAYSIA.....</b>	<b>1</b>
<b>DEFINISI ADAT .....</b>	<b>1</b>
<b>ADAT RESAM MASYARAKAT MELAYU .....</b>	<b>1</b>
Adat Kelahiran Masyarakat Melayu .....	2
Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu .....	3
Adat Kematian Masyarakat Melayu.....	5
Perayaan Masyarakat Melayu .....	7
Kesimpulan.....	9
<b>ADAT RESAM MASYARAKAT CINA .....</b>	<b>10</b>
Adat Kelahiran Masyarakat Cina .....	10
Adat Perkahwinan Masyarakat Cina .....	13
Adat Kematian Masyarakat Cina.....	16
Perayaan Masyarakat Cina .....	18
Kesimpulan.....	19
<b>ADAT RESAM MASYARAKAT INDIA .....</b>	<b>20</b>
Pengenalan.....	20
Adat Kelahiran Masyarakat India .....	20
Adat Perkahwinan Masyarakat India .....	23
Adat Kematian Masyarakat India.....	28
Perayaan Masyarakat India .....	29

Kesimpulan..... 32

**PENUTUP.....32**

**RUJUKAN.....33**

**LATIHAN PENGUKUHAN.....34**

**JAWAPAN LATIHAN PENGUKUHAN .....38**





*Adat resam masyarakat Malaysia*

## PENGENALAN ADAT RESAM MASYARAKAT MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan kaum yang terdiri daripada 3 kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Kepelbagaian kaum dan sejarah yang panjang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan latar budaya yang berbeza. Mereka bebas mengamalkan adat resam dan kebudayaan sendiri tanpa halangan selagi ianya tidak menimbulkan sensitiviti mana-mana kaum.

### DEFINISI ADAT

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan adat sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulukala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga ia menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi). Peraturan ini menjadi kebiasaan dan tabiat semulajadi manusia. Ianya menjadi satu kemestian yang perlu diikuti dari generasi ke generasi yang lain agar dapat dikekalkan tradisi sesuatu kaum. Adat merangkumi seluruh aspek kehidupan seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian.

### ADAT RESAM MASYARAKAT MELAYU

“Biar mati anak, jangan mati adat” merupakan peribahasa Melayu yang menggambarkan kepentingan adat masyarakat Melayu. Peribahasa ini bermaksud orang yang kuat berpegang kepada adat. Tingkah laku dan kepercayaan dalam adat resam masyarakat Melayu dipengaruhi oleh budaya luar yang disesuaikan mengikut unsur-unsur Islam yang dibenarkan oleh syariat Islam.



## Adat Kelahiran Masyarakat Melayu

Anak adalah amanah dan anugerah tuhan yang cukup bermakna bagi setiap pasangan suami isteri. Tanggungjawab ibubapa memberi didikan yang sempurna serta kasih sayang sepenuhnya agar anak membesar menjadi insan berguna kepada keluarga, masyarakat, agama dan negara. Masyarakat Melayu mengamalkan adat-adat kelahiran tertentu yang diwarisi sejak turun-temurun contohnya:

### • Tempoh Kehamilan

Upacara “melenggang perut” dijalankan oleh seorang bidan terhadap wanita yang sedang hamil apabila usia kandungan mencecah tujuh atau lapan bulan. Tujuan adat ini dilakukan adalah untuk membuang nasib malang yang mungkin menimpa wanita hamil dan juga membetulkan kedudukan bayi dalam perut. Adat ini sudah lama ditinggalkan kerana bertentangan dengan ajaran Islam, sebaliknya digantikan dengan mengadakan majlis doa selamat.

### • Kelahiran Dan Tempoh Berpantang

Tempoh berpantang bagi wanita bersalin biasanya adalah 40 hari, 44 hari, 60 hari dan 100 hari. Wanita bersalin yang menjalani tempoh ini dilarang melakukan kerja-kerja berat. Mereka perlu berehat secukupnya dan tidak dibenarkan melakukan banyak pergerakan. Makanan tambahan seperti jamu yang dapat membantu memulihkan tenaga

wanita selepas proses kehamilan dan kelahiran juga digalakkan mengambilnya. Makanan yang boleh menjejaskan kesihatan hendaklah dijaui contohnya makanan laut. Sepanjang tempoh berpantang, berbengkung amat digalakkan untuk mengempiskan perut, mengurangkan berat badan dan melindungi organ dalaman. Berurut selama tiga hari berturut-turut boleh mengembalikan tenaga, membuang angin dalam badan, memulihkan urat-urat yang kembang serta melancarkan perjalanan darah ibu-ibu bersalin. Amalan bertungku dilakukan dengan tujuan mengecutkan rahim dan organ dalaman



*Alatan bertungku yang bengkak serta memecahkan lemak.*

### • Amalan Menyambut Kelahiran Bayi

Amalan melaungkan azan ke telinga (bayi lelaki) dan mengiqamatkan (bayi perempuan)

merupakan perbuatan yang dituntut (sunat) dalam ajaran Islam. Bercukur jambul, tahnik serta memberi nama bayi yang baik juga di antara amalan sunat. Laungan azan dan lafaz iqamat adalah bertujuan memuji kebesaran Allah. Bapa atau datuk bayi tersebut akan melaungkan azan di telinga kiri (bayi lelaki) dan di telinga kanan (bayi perempuan). Hikmahnya adalah kalimah Allah menjadi seruan pertama yang didengari oleh bayi selepas dilahirkan. Hikmah bercukur jambul dari sudut kebersihan adalah untuk membersihkan selaput kulit kepala bayi, menguatkan pertumbuhan rambut serta menunjukkan rasa syukur kurniaan Allah. Ibubapa perlu memilih nama-nama yang mempunyai makna yang baik dan elakkan memilih nama yang tidak ada apa-apa makna atau makna yang tidak elok. Tahnik dari segi bahasa bermaksud lelangit di dalam mulut. Amalan tahnik ialah perbuatan

mengunyah buah tamar lalu dicalit sedikit tamar tersebut pada lelangit mulut bayi. Tujuan tahnik dilakukan adalah untuk melatih bayi makan serta menguatkan lidah dan mulutnya. Buah tamar juga boleh digantikan dengan manisan lain seperti madu lebah sekiranya sukar untuk mendapatkannya.

## Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu masih memelihara adat resam perkahwinan di dalam kehidupan mereka sehingga kini. Tujuan perkahwinan di antaranya ialah membina rasa kasih sayang dan cinta antara pasangan suami isteri, mendapatkan zuriat yang sah serta mengelak terjadinya maksiat. Akad nikah adalah perkara terpenting di dalam ajaran Islam. Namun begitu, adat perkahwinan orang Melayu masih boleh dilakukan, asalkan ianya tidak bertentangan syariat Islam. Sebelum majlis perkahwinan berlangsung, berikut merupakan beberapa peringkat yang perlu diikuti:

### • Adat Merisik

Peringkat pertama dalam proses perkahwinan adalah merisik. Ianya bermaksud keluarga pihak lelaki akan bertemu keluarga pihak perempuan. Tujuan pertemuan tersebut adalah untuk mendapatkan kepastian gadis yang akan dipinang masih belum mempunyai. Pihak lelaki juga akan menyelidik latar belakang keluarga gadis tersebut. Sekiranya gadis tersebut masih belum mempunyai dan bersetuju untuk dipinang, adat seterusnya akan dilakukan.



*Kelahiran bayi.*

### • Adat Meminang

Adat meminang akan dilakukan pihak lelaki oleh kaum keluarga terdekat. Tarikh pertunangan akan ditetapkan ketika peminangan dilakukan. Pada kebiasaannya, pihak perempuan akan diberikan tempoh untuk berbincang dan berfikir sesama ahli keluarga mereka sebelum memberikan kata putus. Jika telah mencapai kata sepakat, pihak lelaki akan diberitahu dan majlis pertunangan akan dilangsungkan mengikut tarikh yang ditetapkan. Jika sebaliknya, perbincangan akan dilakukan semula untuk penetapan tarikh baharu.

### • Adat Bertunang

Rombongan pihak lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan sebagai tanda ikatan pertunangan. Cincin, tepak sirih dan sedikit barang hantaran dibawa bersama oleh rombongan pihak lelaki. Biasanya ahli keluarga terdekat

sahaja yang turut serta rombongan ini. Tujuan adat pertunangan diadakan antaranya adalah bertujuan menetapkan tarikh perkahwinan, jumlah wang hantaran, tempoh bertunang dan lain-lain la

### • Akad Nikah

Upacara akad nikah perkara yang paling penting sebagai kaedah menghalalkan hubungan lelaki dan wanita secara rasmi bergelar suami isteri. Majlis akad nikah boleh dilakukan di masjid atau di rumah pengantin perempuan. Mas kahwin pula merupakan syarat wajib pemberian oleh suami kepada isteri semasa majlis akad nikah. Perkara lain seperti barang hantaran dan wang belanja tertakluk atas persetujuan kedua-dua belah pihak, ianya tidaklah diwajibkan. Bapa pengantin perempuan akan menjadi wali untuk menikahkan anaknya.



*Adat menyarung cincin.*

### • Majlis Perkahwinan

Ajaran Islam amat menggalakkan majlis perkahwinan sebagai salah satu cara mengumumkan ikatan pernikahan yang sah di antara pasangan suami isteri. Pada hari tersebut semua kaum keluarga yang dekat dan jauh, jiran tetangga serta rakan dan taulan turut diundang untuk memeriahkan majlis. Para tetamu akan bergotong-royong dan mencurahkan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis tersebut. Pengantin lelaki dan perempuan akan memakai pakaian khas yang cantik dan pengantin lelaki diarak ke rumah pengantin perempuan diiringi paluan kompang serta bunga manggar.

### Adat Kematian Masyarakat Melayu

Menguruskan jenazah bagi masyarakat Melayu beragama Islam merupakan kewajipan fardhu kifayah yang bermaksud jika tiada seorang pun yang menguruskan kematian tersebut, setiap

orang Islam dianggap berdosa. Beberapa perkara yang perlu diikuti semasa menguruskan jenazah orang Islam iaitu:

#### • Semasa Kematian

Berita tentang kematian seseorang perlu dimaklumkan kepada seluruh penduduk tempat tinggal si mati supaya persiapan dapat dilakukan dengan segera. Jenazah akan dibaringkan di dalam rumah bahagian tengah dan tubuhnya akan dilitupi dengan sehelai kain. Kaki jenazah akan dihalakan ke arah kiblat serta tangannya diletakkan di dada. Bacaan ayat suci al-Quran digalakkan bagi orang yang menziarahi jenazah tersebut.

#### • Memandikan Jenazah

Ahli keluarga diberi keutamaan di dalam upacara memandikan jenazah. Ilmu memandikan jenazah ini perlu dipelajari agar mayat dapat



*Jenazah dimandikan.*

diuruskan dengan betul. Kebiasaannya upacara ini akan diketuai oleh beberapa orang yang pakar tentang pengurusan mayat untuk membantu ahli keluarga. Jenazah lelaki akan diuruskan oleh kaum lelaki begitu juga sebaliknya jika jenazah perempuan ia akan diuruskan oleh kaum perempuan. Tujuan memandikan jenazah adalah untuk membersihkan tubuh badannya daripada sebarang kekotoran. Aurat jenazah perlu dijaga semasa dimandikan supaya aibnya terpelihara.

#### • Mengafankan Jenazah

Upacara mengafankan jenazah dilakukan dengan membalut seluruh tubuh mayat menggunakan kain putih. Tiga lapisan kain digunakan bagi jenazah lelaki dan lima lapisan kain untuk jenazah perempuan berserta telekung. Penghormatan terakhir akan dilakukan oleh keluarga terdekat dan mahramnya dengan mencucup mayat.

#### • Solat jenazah

Jenazah diletakkan di hadapan imam dan para jemaah untuk disolatkan. Solat jenazah boleh dilakukan di masjid ataupun di rumah. Ahli keluarga amat dituntut menunaikan solat ke atas jenazah. Sebaik- baiknya ahli keluarga terdekat si mati yang menjadi imam solat jenazah.

#### • Pengkebumian Jenazah

Jenazah akan diusung ke tanah perkuburan oleh kaum keluarga dan sahabat handai sebagai penghormatan terakhir. Kaum lelaki digalakkan menghantar jenazah hingga ke kawasan perkuburan manakala kaum perempuan

pula tidak digalakkan kerana dibimbangi akan meratapi kematian tersebut. Orang Islam dilarang meratapi kematian dengan cara yang keterlaluan terutamanya di tanah perkuburan. Jenazah disemadikan di dalam liang lahad (lubang kubur) dengan mengadap ke arah kiblat. Batu nisan akan dipasang di tanah perkuburan dengan ukiran nama, tarikh lahir serta tarikh kematian. Seterusnya upacara membaca talkin dan doa dilakukan. Talkin adalah bacaan yang berbentuk peringatan tentang kematian kepada jenazah dan orang yang hadir di tanah perkuburan pada hari tersebut.

#### • Selepas Kematian

Setelah selesai upacara pengkebumian, keluarga terdekat dan sanak saudara akan mengadakan kenduri arwah. Kenduri ini akan diadakan pada hari pertama, kedua, ketiga, ke empat puluh empat atau seratus selepas hari kematian. Tetamu terdiri daripada kaum keluarga dan jiran



*Tanah Perkuburan Islam*



terdekat. Kenduri arwah dilakukan dengan tujuan mendoakan kesejahteraan si mati.

## Perayaan Masyarakat Melayu

Bagi umat Islam, dua perayaan utama diraikan iaitu Hari Raya Puasa (Aidilfitri) dan Hari Raya Haji (Aidiladha). Selain dari dua perayaan utama ini, umat Islam juga menyambut hari-hari kebesaran lain seperti Maal Hijrah, Nuzul Quran dan Maulidur Rasul

### • Hari Raya Puasa (Aidilfitri)

Hari raya puasa juga digelar dengan panggilan hari raya Aidilfitri atau hari lebaran. Dari segi bahasa, perkataan Aidilfitri bermaksud kembali



*Pelita Hari Raya*

kepada fitrah iaitu kembali kepada asal kejadian manusia yang suci, bersih dari dosa ibarat bayi baru lahir.

Hari raya ini disambut sekali sahaja dalam setahun mengikut kalendar Hijrah iaitu pada bulan Syawal. Perayaan ini menandakan hari kemenangan dan kegembiraan setelah umat Islam selesai mengerjakan ibadah puasa selama sebulan dalam bulan Ramadhan iaitu bulan sebelum bulan Syawal. Sempena perayaan ini, zakat fitrah wajib ditunaikan ke atas setiap orang Islam mengikut syarat tertentu. Umat Islam disunatkan mandi, memakai pakaian baru dan bersih serta bersarapan di awal pagi sebelum pergi menunaikan solat sunat Aidilfitri di masjid. Setelah selesai solat sunat tersebut umat Islam digalakkan untuk bersalaman, saling bermaafan, ziarah menziarahi sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Pelbagai juadah yang enak disediakan untuk menyambut kedatangan tetamu ke rumah masing-masing. Mereka juga disunatkan berzikir dengan memuji kebesaran Allah di hari raya sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah.

### • Hari Raya Haji (Aidiladha)

Hari Raya Haji atau Aidiladha juga dikenali sebagai Hari Raya Korban disambut oleh seluruh umat Islam pada tarikh 10 Zulhijjah mengikut kiraan kalendar hijrah setiap tahun. Ibadah korban yang dikerjakan pada Hari Raya Haji adalah bagi memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim yang sanggup menyembelih anaknya Nabi Ismail kerana ketaatannya terhadap Allah. Rentetan

dari peristiwa ini, setiap tahun ketika perayaan Aidiladha maka umat Islam menyembelih binatang-binatang korban lalu mengagihkan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Seperti Hari Raya Aidilfitri, pada Hari Raya Korban ini juga orang Islam disunatkan mengenakan pakaian yang paling cantik, bersih dan juga mengenakan wangi-wangian. Umat Islam akan mengerjakan solat sunat Hari Raya dan kebiasaannya solat sunat Aidiladha dicepatkan sedikit berbanding solat sunat Aidilfitri. Hikmah dicepatkan sedikit waktu solat sunat Aidiladha adalah bagi memberi lebih banyak masa untuk penyembelihan korban. Selepas bersembahyang, upacara korban akan dimulakan. Lembu, kambing dan biri-biri yang dikorbankan akan disembelih

secara beramai-ramai di kawasan masjid sebelum dibahagi-bahagikan kepada orang ramai terutamanya kepada golongan fakir miskin.

#### • Maal Hijrah

Maal Hijrah atau Awal Muharam bermaksud hari pertama dalam tahun Islam (Tahun Hijrah) iaitu hari pertama dalam bulan Muharam. Tujuan perayaan Maal Hijrah disambut adalah untuk mengimbas peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad dan kaum muslimin dari Kota Mekah ke kota Madinah. Tahun hijrah Nabi Muhammad itu diambil kira sebagai tarikh permulaan kalendar Hijrah. Simbolik dari kisah hijrah Nabi Muhammad ini memberikan inspirasi kepada seluruh umat Islam agar sentiasa memperbaiki diri setiap hari,



*Jamuan makan dihidang dihari perayaan.*

berpegang teguh dan memelihara agama Allah. Umat Islam juga digalakkan berpuasa sunat pada tarikh 9, 10 dan 11 Muharam kerana ganjaran pahalanya sangat besar iaitu akan diampunkan dosa bagi tempoh setahun yang lalu.

#### • Nuzul Quran

Peristiwa Nuzul al-Quran atau penurunan al-Quran merupakan peristiwa yang penting dalam sejarah Islam. Dari segi bahasa, perkataan “Nuzul” bermaksud turun atau menetap di suatu tempat. Dari segi istilah pula, “Nuzul” bermaksud penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad dengan cara-cara tertentu. Allah telah menurunkan al-Quran sebagai satu mukjizat terbesar yang membuktikan kerasulan Nabi Muhammad dan kewujudan Allah. Membaca al-Quran serta menghayati dan mengamalkannya adalah satu ibadat.

#### • Maulidur Rasul

Umat Islam menyambut Maulidur Rasul pada tarikh 12 Rabiulawal mengikut kalendar Hijrah setiap tahun. Tujuan sambutan ini adalah untuk memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad. Sirah atau kisah Nabi Muhammad perlu dihayati oleh umat Islam serta diraikan dengan berselawat, pengisahan tentang kelebihan Rasulullah dan ajarannya serta mengenali sunah baginda untuk diamalkan.

### Kesimpulan

Kaum Melayu yang beragama Islam kini boleh membezakan antara adat yang bertentangan dengan ajaran Islam dan adat yang dibenarkan pengamalannya. Adat yang terpesong dari syariat Islam sudah lama ditinggalkan kerana kepelbagaian platform ilmu mudah diperolehi dan masyarakat mula memahaminya



*Kanak-kanak masyarakat Melayu.*





*Keluarga masyarakat Cina*

## ADAT RESAM MASYARAKAT CINA

Masyarakat Cina mempunyai adat resam dan budaya yang agak unik. Kehidupan harian dipengaruhi oleh persekitaran dan alam sekeliling menyebabkan mereka banyak bergantung kepada nasib. Dalam pelbagai perkara, tukang tilik mempunyai peranan besar sebagai pakar rujuk dalam hal-hal kelahiran, perkahwinan dan kematian.

### Adat Kelahiran Masyarakat Cina

Masyarakat Cina meletakkan keluarga dalam kedudukan yang sangat penting kerana mereka menganggap keluarga sebagai kaedah untuk meneruskan garis keturunan keluarga. Kesenambungan keturunan mengekalkan

kehidupan seluruh bangsa. Pelbagai bentuk adat resam dan pantang-larang diamalkan oleh masyarakat Cina semasa mengandung dan juga bersalin untuk memastikan bayi yang bakal lahir tidak ditimpa kejadian buruk seperti keguguran, kecacatan dan kematian. Wanita yang mengandung sentiasa diberikan kawalan ketat di dalam setiap tindak tanduk dan kegiatan seharian mereka. Masyarakat Cina amat mementingkan anak lelaki kerana anak lelaki boleh melanjutkan keturunan mereka melalui pewarisan nama nenek moyang. Anak perempuan hanya menjadi milik ibubapa buat sementara waktu sahaja, apabila berkahwin mereka menjadi milik keluarga suaminya.



Barang keperluan bayi

#### • Pantang-Larang Sewaktu Mengandung

Terdapat banyak pantang larang yang perlu dipatuhi semasa mengandung antaranya ialah tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja seperti memaku kerana dikhuatiri bayi yang lahir akan cacat. Mengawal tingkahlaku seperti tidak mengeluarkan kata-kata kesat dan dilarang memukul binatang, bertujuan menghindari bayi terkena badi dan digalakkan bekerja supaya mudah bersalin.

#### • Berpantang

Wanita-wanita Cina yang baru melahirkan anak terpaksa berpantang selama 40 hari. Ibu tidak dibenarkan mandi air sejuk kerana dibimbangi masuk angin. Pusat bayi yang baru dilahirkan diikat dan dililit dengan sehelai kain pada perutnya, bertujuan untuk mengelakkan perut bayi dimasuki angin dan untuk mengeringkan tali pusat.

Bayi yang baru lahir selalu diperhatikan bentuk fizikalnya oleh orang-orang tua. Mereka mengaitkan telinga yang lebar dan tebal sebagai bakal menjalani kehidupan yang kaya. Pusat bayi yang tenggelam ke dalam adalah petanda bahawa anak tersebut dipercayai akan menjalani

kehidupan yang senang pada masa depan, manakala pusat yang tersembul dikaitkan dengan hidup kurang baik. Mereka juga mempercayai sekiranya terdapat lebih daripada satu pusat di atas kepala, bayi akan menjadi nakal dan tidak mendengar kata. Dari segi pemakanan masyarakat Cina menggunakan sejenis arak dalam masakan yang dibuat daripada beras yang diperam. Arak tersebut dicampur ke dalam adunan ayam, halia dan lada, kemudian ayam digoreng. Masakan panas dan pedas ini dipercayai dapat mengeluarkan angin daripada badan wanita yang bersalin disamping menguatkan tenaga.

#### • Kenduri, Mencukur Rambut & Memberi Nama.

Seperti masyarakat Melayu, masyarakat Cina juga turut mengadakan kenduri apabila bayi mencapai umur sebulan. Kuih khas berbentuk bulat berwarna merah dan kuning berintikan kacang dan tauhu, serta telur yang diwarnai merah diberikan kepada saudara mara terdekat. Mereka yang mendapat kuih dan telur ini membalasnya dengan membawa hadiah berupa pakaian bayi dan pati ayam untuk si ibu. Upacara mencukur rambut bayi dijalankan kerana masyarakat Cina beranggapan bahawa rambut bayi yang dilahirkan adalah rambut sementara. Rambut

yang tumbuh semasa dalam kandungan perlu dicukur untuk pertumbuhan rambut baru. Adat ini sebagai pengiktirafan terhadap kelahiran orang baru ke dalam masyarakat. Pemilihan nama bayi yang baru lahir menjadi keutamaan dalam kalangan masyarakat Cina. Nama mereka terdiri daripada tiga perkataan yang dimulai dengan nama keluarga. Patah kata kedua mewakili nama segenerasi dalam kalangan adik-beradik dan sanak-saudara. Nama ketiga pula merupakan nama bagi panggilan diri sendiri. Sistem nama yang baik perlu mengambil kira makna, unsur Yin dan Yang serta dibuat mengikut perhitungan matematik Cina. Terdapat lima aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam memberi nama bayi yang baru lahir iaitu:-

- i. Nama yang diberi haruslah mengandungi maksud yang baik seperti lambang kekayaan, kemewahan dan kesejahteraan.
- ii. Bunyi nama mestilah elok didengar.

iii. Nama mestilah dibuat berdasarkan kiraan matematik iaitu angka yang terhasil tidak bertentangan dan sebaiknya sepadan.

iv. Nama yang diberikan patut mempunyai timbangan unsur Yin dan Yang yang sama berat.

v. Nama mestilah mempunyai lima unsur, iaitu emas, air, api, tanah dan kayu serta saling melengkapi.

Justeru, nama seseorang bayi harus disusun secara seimbang yang mengandungi unsur Yin dan Yang. Kegagalan memberikan nama yang baik juga akan mempengaruhi perjalanan hidup seseorang, sama ada ditimpa kecelakaan atau mendapat kesejahteraan. Kerumitan masyarakat Cina memilih nama yang sesuai untuk bayi kadangkala menyebabkan mereka mengambil masa yang agak lama, khususnya bagi mereka yang masih terikat dengan adat dan terpaksa merujuk kepada kitab tertentu.



*Bayi diberi nama dengan nama yang baik.*

## Adat Perkahwinan Masyarakat Cina

Perkahwinan dalam masyarakat Cina merupakan satu titik tolak yang membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka. Oleh itu pasangan yang bakal berkahwin hendaklah membuat perancangan yang teliti dan teratur bagi memastikan perkahwinan yang dirancang adalah mengikut acuan budaya masyarakat Cina. Adat resam perkahwinan masyarakat Cina merangkumi beberapa peringkat iaitu merisik, meminang, bertunang dan majlis perkahwinan.

### • Merisik

Adat merisik dijalankan untuk mengetahui latar belakang gadis yang dihajati. Masyarakat Cina terlalu mengambil berat tentang nama, keturunan, peribadi, watak dan tingkah laku si gadis. Ciri-ciri ini penting untuk mewujudkan perkahwinan yang berkekalan. Perbincangan ketika merisik adalah berkenaan perkara-perkara umum terutama tentang latar belakang keluarga. Cara merisik terpulang kepada ibu bapa kerana pada lazimnya ibu bapa pihak lelaki akan menanyakan kenalan dan rakan taulan yang kenal dengan keluarga si gadis. Sebahagian masyarakat Cina lebih gemar mengadakan perbincangan tersebut di restoran-restoran dengan disertai saudara mara lain. Tradisi makan bersama ini amat penting dalam masyarakat Cina kerana ia dapat mengeratkan hubungan antara kedua belah keluarga.

### • Meminang

Setelah pihak lelaki berpuas hati dengan latar belakang keluarga pihak perempuan, dan begitu juga sebaliknya, maka adat meminang akan dijalankan. Wakil dipilih untuk berkunjung ke rumah si gadis bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan perkahwinan. Ibu pengantin perempuan pula akan berbincang dengan wakil tersebut berkenaan jumlah mas kahwin, peruntukan meja dalam jamuan makan dan memilih hari yang paling sesuai. Pihak lelaki tidak akan tawar menawar kerana bimbang akan menjatuhkan maruah pihak perempuan. Segala



*Perkahwinan Masyarakat Cina*

ketetapan yang telah dipersetujui diberitahu kepada ibu bapa pihak lelaki yang akan berbincang dengan anaknya untuk menyediakan segala permintaan pihak perempuan. Adat bertunang akan dijalankan setelah si lelaki dan si gadis saling mengenal dan bersetuju untuk berkahwin.

#### • Bertunang

Hari pertunangan dilakukan berdasarkan kalendar Cina dan hendaklah bersesuaian dengan bintang-bintang kelahiran pasangan tersebut. Khidmat tukang tilik digunakan untuk penetapan tarikh berpandukan buku Toong-Su. Ini penting kerana jika dilakukan pada waktu yang tidak sesuai dipercayai akan ditimpa bencana dan perkahwinan mengalami kegagalan. Pada masa inilah bakal pengantin lelaki berkunjung ke rumah bakal pengantin perempuan untuk menunaikan permintaan. Upacara bertukar cincin dilakukan mengikut masa yang ditetapkan. Cincin disarung di jari manis kiri kedua-dua bakal pengantin

sehingga hari perkahwinan. Bagi membuktikan persetujuan, gadis berkenaan menyerahkan sekeping kertas merah iaitu Nyen-Sang yang bertulis nama gadis, umur dan tarikh lahirnya yang didapati daripada tukang tilik.

Setelah Nyen-Sang diterima si lelaki mengadakan persediaan dengan memberikan maklumatnya bersama-sama dengan Nyen-Sang tersebut kepada tukang tilik yang akan menghitung hari dan masa yang sesuai berdasarkan maklumat pasangan berkenaan yang diterima, dan dicatat pada sehelai kertas merah dinamakan Nyik-Sor. Ramalan penentuan hari yang sesuai dibuat berdasarkan tahun kelahiran pasangan berkenaan. Setelah mendapat tarikh dan masa yang sesuai tukang tilik menyediakan dua keping kertas Nyik-Kor dan diberikan kepada pasangan yang hendak berkahwin itu. Nyik-Kor mengandungi peraturan-peraturan dan adat-adat tertentu yang perlu diikuti oleh kedua bakal pengantin.



*Cincin disarung di jari manis kiri.*



Hantaran dan mas kahwin lazimnya diberi semasa upacara tukar cincin perkahwinan atau pada hari lain seperti hari istiadat perkahwinan yang diadakan di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan. Antara hantarannya ialah sebentuk cincin emas, sepersalinan pakaian, kain dan wang tunai. Sekiranya pihak lelaki tidak menyediakan barang hantaran yang cukup maka sejumlah besar wang tunai akan diberi. Semakin besar mas kahwin yang diberikan semakin tinggi martabat dan kedudukan pihak lelaki. Berserta dengan penghantaran mas kahwin, keluarga pengantin perempuan diberitahu tarikh perkahwinan dan rundingan akan dibuat dengan pengantin perempuan.

#### • Majlis Perkahwinan

Majlis perkahwinan dilangsungkan setelah setahun bertunang atau mengikut tempoh yang dipersetujui oleh kedua pihak lelaki dan perempuan. Sebelum tiba hari tersebut, sekiranya terdapat kematian dalam kalangan ahli keluarga bakal pengantin, perkahwinan itu mesti ditangguhkan hingga tahun hadapan ataupun selama 100 hari. Adalah tidak manis mengadakan perkahwinan sewaktu orang lain sedang berkabung.

Pada hari perkahwinan kedua pengantin dihias indah. Dahulunya masyarakat Cina memakai pakaian pengantin yang diperbuat daripada kain sutera disulam benang emas. Setiap pakaian dihias dengan pelbagai aksesori. Baju pengantin sebaik-baiknya berwarna putih, merah atau kuning. Dilarang memakai baju berwarna

hitam, biru atau kelabu kerana dipercayai warna-warna tersebut melambangkan kematian dan kesedihan.

Pengantin lelaki bertandang ke rumah pengantin perempuan dan mereka didudukkan di atas pelamin yang telah disediakan di ruang tamu, diiringi pengiring masing-masing. Itulah kali pertama mereka duduk bersama. Selepas acara bersanding pasangan pengantin dibawa bertemu ahli keluarga dan saudara mara kedua-dua pihak, bertujuan meminta restu daripada keluarga mertua masing-masing.



*Pengantin dihias dengan indah.*

Upacara tradisi masyarakat Cina iaitu meminum teh membawa maksud tersendiri dan sangat penting serta masih diamalkan. Adat ini melambangkan penerimaan pasangan pengantin terutamanya si isteri dalam keluarga si suami, di samping bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dalam upacara ini pasangan pengantin memberi teh yang disediakan kepada saudara mara pihak lelaki. Adat bersanding dan upacara minum teh ini sudah kurang diamalkan oleh masyarakat Cina hari ini.

Kemuncak upacara perkahwinan ialah jamuan makan malam secara besar-besaran sama ada di rumah, dewan atau restoran. Para tetamu membawa angpau sebagai hadiah kepada pasangan pengantin. Pada masa yang sama kedua pengantin cuba mengenali dan beramah mesra dengan ahli keluarga pasangan. Sebagai bukti perkahwinan, kedua pengantin menandatangani dua pucuk surat perkahwinan iaitu Keat Foon Ching Su di hadapan beberapa saksi. Hari ini masyarakat Cina lebih cenderung memilih jenis perkahwinan sivil iaitu dengan mendaftarkan perkahwinan di gereja bagi mereka yang beragama Kristian.

## Adat Kematian Masyarakat Cina

Masyarakat Cina begitu berpegang teguh kepada adat resam yang berkaitan dengan kematian, yang setiap adat itu mempunyai maksud tersendiri. Adat kematian adalah upacara yang amat berharga dan mahal. Keranda yang baik, tanah perkuburan yang baik dan pakaian kematian yang bagus memerlukan perbelanjaan

yang besar. Adat kematian kaum Cina di Malaysia juga dipengaruhi oleh agama yang berlainan, tempat asal dan wilayah yang menghasilkan adat dan pantang-larang yang berbeza.

### • Setelah Kematian

Apabila berlaku kematian mayat dibersihkan dan dimandikan sebagai memberi penghormatan terakhir kepada si mati. Mayat disapu dengan minyak wangi dan disolek, bertujuan untuk mengharumkan si mati terutama apabila berada di alam akhirat. Mayat dipakaikan dengan pakaian yang cantik yang lazimnya dipakai ketika hari perkahwinan. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan masyarakat Cina menyimpan pakaian



*Mayat diletakkan di dalam keranda.*

perkahwinan untuk dipakai sewaktu meninggal dunia. Si mati turut dipakaikan dengan aksesori lain, terutamanya wanita. Mayat dimasukkan ke dalam keranda yang diperbuat daripada kayu dengan ukiran menarik. Bagi yang kaya, keranda diukir dengan bersalutkan logam. Ini adalah untuk menunjukkan kedudukan seseorang semasa hidupnya.

Apabila berlaku kematian, ahli keluarga, saudara mara dan sahabat handai dikehendaki menangis atau meratapi pemergian si mati. Tangisan ini perlu dilakukan dengan kuat apabila si mati diletakkan di ruang tamu sehinggalah diusung ke kawasan perkuburan untuk ditanam. Lazimnya tangisan perlu diselitkan dengan kata-kata yang menunjukkan si mati telah membuat jasa. Kata-kata yang mengungkit keburukan si mati dilarang sama sekali kerana jika ini berlaku roh si mati tidak akan tenteram dan si mati akan tersiksa. Tangisan ahli keluarga terutama ibu bapa atau saudara yang lebih tua lebih baik dan digalakkan. Ada juga segelintir masyarakat Cina yang melupakan hutang piutang si mati dengan alasan untuk menenteramkan si mati agar tidak disoal di alam akhirat.

Pakaian ahli keluarga si mati adalah seperti jubah berwarna hitam, lengkap dengan topi. Ketika mayat diusung dengan menggunakan lori khas beberapa kertas bersalut logam dicampak sepanjang perjalanan. Mengikut kepercayaan masyarakat Cina ini adalah untuk memastikan roh boleh berjalan pulang ke rumah berpandukan kertas tersebut.

#### • Semasa Dan Selepas Pengkebumian

Mayat dimasukkan ke dalam liang lahad dan lubang tersebut haruslah besar supaya boleh memuatkan keranda dan pelbagai jenis harta milik si mati untuk menunjukkan darjat si mati ketika di dunia dan diketahui oleh orang lain di akhirat kelak. Kini amalan tersebut semakin berkurangan kerana banyak kejadian menggali lubang kubur dilaporkan. Hanya kertas yang bercop bentuk duit sahaja digunakan bagi mengelak kejadian mengorek lubang kubur oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Bagi masyarakat Cina, kawasan perkuburan yang terletak di kawasan tinggi adalah lebih baik daripada tanah yang rata. Kebanyakan tanah perkuburan terletak di kawasan yang berhampiran jalan raya. Mengikut kepercayaan,



*Tanah Perkuburan masyarakat Cina*



kawasan seperti itu akan memudahkan roh si mati menemui jalan pulang.

Selain itu, perkuburan juga dihias menarik sama ada daripada aspek ukiran, warna atau bentuk. Ukiran melambangkan kekayaan si mati ketika hidup, manakala kubur atau jirat yang besar dan mempunyai bentuk yang menarik menjadi lambang kemewahan. Ini bermakna si mati layak menikmati kemewahan selepas mati seperti ketika hidup.

Selepas kematian, ahli keluarga akan menjalani adat berkabung. Baju hitam dipakai beberapa hari sehinggalah hari perkabungan tamat barulah

pakaian warna lain boleh dipakai. Bagaimanapun, bagi isteri yang kematian suami atau suami yang kematian isteri terus memakai baju hitam tersebut lebih lama sebagai tanda berkabung.

## Perayaan Masyarakat Cina

Dari segi perayaan, masyarakat Cina mempunyai beberapa perayaan yang disambut dalam satu tahun. Antara perayaan tersebut ialah :

- Tahun Baru Cina

Perayaan ini lebih mengutamakan perjumpaan keluarga yang diadakan menjelang hari tersebut. Masyarakat Cina memastikan sebelum perayaan



*Sambutan Tahun Baru Cina*

ini menjelang, hutang-hutang dibayar dan semua akaun ditutup. Persediaan perayaan ini dibuat sejak hari ke-24 bulan ke-12 lagi. Perayaan ini berlanjutan selama tiga minggu.

- [Chap Goh Mei](#)

Perayaan ini diraikan pada hari ke-15 selepas Tahun Baru yang juga merupakan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina.

- [Perayaan Ching Ming](#)

Perayaan ini diraikan pada hari terakhir bulan kedua dalam tahun lunar. Pada hari ini, kaum keluarga melawat kubur nenek moyang untuk dibersihkan dan bersembahyang.

- [Perayaan Hantu Lapar](#)

Perayaan ini diraikan pada hari ke-15 dalam bulan ketujuh, Perayaan ini lebih popular di Pulau Pinang. Perayaan ini diraikan sempena ingatan terhadap seseorang bernama Mu Lien yang juga dikenali sebagai Ti Tsang Wang yang menyelamatkan ibunya daripada syaitan-syaitan yang kelaparan.

- [Perayaan Kuih Bulan](#)

Perayaan Kuih Bulan diraikan pada hari ke-15 dalam bulan kelima. Perayaan ini diraikan sempena mengingati kejayaan kumpulan pemberontak yang menentang pemerintahan kerajaan Mongol pada abad ke-14 di negara China. Kuih Bulan dijadikan alat untuk menyampaikan mesej dalam intinya. Tanglung turut menjadi

sebahagian daripada perayaan (kegunaannya pada waktu itu ialah sebagai medium isyarat dari puncak bukit ke puncak bukit yang lain).

## Kesimpulan

Masyarakat Cina mempunyai identiti atau budaya mereka yang tersendiri. Budaya yang diamalkan oleh mereka ini didapati jauh berbeza daripada budaya yang diamalkan oleh masyarakat tempatan dan kaum pendatang yang lain.



*Tarian Singa dimainkan dihari perayaan.*



*Masyarakat India*

## ADAT RESAM MASYARAKAT INDIA

### Pengenalan

Orang India Malaysia ialah rakyat Malaysia yang berasal dari India. Kebanyakan mereka datang ke Malaysia semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Namun, sumber-sumber sejarah membuktikan bahawa kaum India tiba di Malaysia sejak zaman keagungan Dinasti Chola. Kini, kaum ini merupakan kaum ketiga terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu dan Cina.

### Adat Kelahiran Masyarakat India

#### • *Szwaktu Mengandung*

Adat Valaikaappu adalah adat yang dilakukan ketika kandungan sulung wanita hamil

menjangkau usia tujuh hingga sembilan bulan. Wanita hamil tersebut akan dipakaikan sebetuk gelang tangan baru yang dikenali sebagai Suulkaappu. Suul bermaksud “kandungan ibu” dan Kaappu pula bermaksud “perlindungan”. Gelang ini dipakai bertujuan untuk melindungi bayi di dalam kandungan daripada kesukaran semasa bersalin. Adat Valaikaappu diadakan pada hari dan masa yang baik menurut kalendar India. Upacara ini akan diadakan di rumah suami atau ibubapa dan disertai oleh kaum wanita yang telah bersuami dan mempunyai anak yang dipanggil cumanggali. Gelang tangan yang dipakaikan dalam upacara ini terdiri daripada beberapa jenis iaitu gelang kaca, pancalogam dan emas mengikut kemampuan masing-masing. Setelah anak dilahirkan, gelang tangan emas tersebut

akan dileburkan untuk dibuat perhiasan bagi bayi tersebut dan akan dipakaikan pada hari pemberian nama.

Upacara ini juga dikenali sebagai mutugu niir (kulittal). Wanita hamil tersebut didudukkan di bilik mandi dan dimandikan dengan air seperti air susu, air kunyit, air kelapa muda, air mawar dan bunga-bunga. Wanita hamil tersebut dipakaikan dengan sari perkahwinan atau sari baru yang dibeli oleh ibubapanya dan didudukkan di ruang tamu. Pada hari upacara dilakukan, hadiah kepada wanita hamil tersebut yang dikenali sebagai ciirdiatur diletakkan ke dalam dulang yang mempunyai bilangan ganjil. Hadiah ini termasuk barang kemas, sari, gelang tangan, serbuk kumkum, kunyit, buah-buahan, sirih pinang, sikat dan cermin serta pelbagai manisan.

Hadiah di dalam dulang ini akan diletak di ruang tamu dan seterusnya upacara memandikan wanita hamil tersebut diadakan. Setelah mandi, wanita hamil tersebut akan dihias seperti pengantin dan seterusnya akan dikalungkan dengan kalungan bunga oleh suaminya. Seterusnya lampu minyak kuttu vilakku dihidupkan sebagai memohon restu Tuhan dan sebagai memulakan upacara. Perbagai makanan juga disediakan khas bagi wanita hamil tersebut seperti pelbagai jenis nasi, kuih muih, buah-buahan dan bunga-bunga.

Adat ini dimulakan dengan upacara sembahyang. Para cumanggali akan memulakan upacara dengan menyapu krim cendana pada kedua belah tangan dan pipi wanita hamil, kumkum diletak di dahi dan gelang tangan dipakaikan. Makanan yang



*Wanita hamil*

disediakan juga disuapkan kepada wanita hamil tersebut. Sebagai tanda terima kasih, wanita hamil akan menghadaikan sirih pinang, kunyit, bunga dan beberapa gelang kepada cumanggali yang menjalankan upacara ini. Seterusnya upacara aalatti dijalankan, iaitu dengan menyediakan air kunyit yang dicampurkan kapur sirih dan diisi dalam sebuah dulang khas dan sirih diletakkan di tengah-tengahnya. Kapur barus dihidupkan di atas sirih tadi. Dulang diangkat oleh tiga orang cumanggali dan diputar mengikut arah jam dan dilambai sebanyak tiga kali di hadapan wanita hamil tersebut. Salah seorang cumanggali akan mencelup ibu jarinya ke dalam airaalatti dan menyapunya ke dahi wanita hamil itu. Setelah itu, isi dulang aalatti dibuang di hadapan pintu rumah.



Seterusnya wanita yang hamil itu akan memakan salah satu nasi yang disediakan. Nasi-nasi tersebut diletak di atas daun pisang berasingan dan seterusnya dibungkus dengan kain putih dan disimpul. Wanita hamil itu diminta membuka salah satu bungkusan yang diingini. Jika bungkusan yang dibuka adalah nasi manis, dipercayai anak yang bakal lahir adalah perempuan, sebaliknya pula adalah lelaki. Selesai upacara valaikaapu dijalankan, wanita hamil tersebut akan tinggal di rumah ibu bapanya selama sebulan selepas bersalin. Upacara ini masih diterima dan diamalkan masyarakat India tetapi disesuaikan mengikut faktor ekonomi, pendidikan dan struktur lapisan masyarakat.

#### • Selepas Kelahiran

Adat-adat yang dijalankan selepas kelahiran bayi.

##### *i. Membawa Bayi Pulang Ke Rumah*

Bayi yang dilahirkan di hospital akan dibawa pulang ke rumah pada hari ketiga, kelima, ketujuh dan sebagainya iaitu pada bilangan hari ganjil. Sebelum bayi dibawa masuk ke dalam rumah, upacara aalati dilakukan untuk mengelak bala atau sebarang malapetaka. Untuk upacara ini dulang yang mengandungi serbuk kunyit, kapur sirih yang dicairkan, arang, sirih dan kapur barus yang dinyalakan diangkat dan diputar tiga kali. Seterusnya cumanggali mencelupkan ibu jarinya ke dalam bahan-bahan tersebut dan mencalitkan bahan berkenaan ke dahi ibu dan bayi. Isi dulang tersebut dibuang setelah ibu dan bayi masuk ke dalam rumah.

##### *ii. Memberi Nama*

Sebaik sahaja bayi berusia enam belas hari, upacara pemberian nama dilakukan. Ia dilakukan dengan memasukkan bayi ke dalam buaian dan dikendalikan oleh ahli keluarga yang tertua yang arif tentang agama dan perkara yang berkaitan dengan dewa-dewa. Dimulakan dengan sembahyang sebagai tanda kesyukuran, dan membersihkan sekeliling rumah serta memasang lampu minyak. Kari ayam betina, telur rebus dan ikan kering disajikan sebagai persembahan kepada Tuhan. Kemudian nama bayi diumumkan. Pemilihan nama bayi kebiasaannya berkaitan dengan agama Hindu daripada tokoh sejarawan dan nenek moyang, serta mengikut tarikh kelahiran. Saudara mara yang hadir memberi pelbagai jenis hadiah.



*Bayi diberi nama pada hari ke-16*

## Adat Perkahwinan Masyarakat India

### • Merisik

Merisik juga merupakan peringkat yang tidak asing lagi bagi masyarakat India. Pada peringkat ini antara faktor-faktor yang diambil kira termasuk faktor etnik, sub-etnik, kasta dan agama. Faktor-faktor lain juga diambil kira seperti status ekonomi dan status sosial bakal pengantin yang merangkumi umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, etika dan moral, rupa paras, latar belakang keluarga dan kadangkala tahap kesihatan juga diambil kira. Pada lazimnya maklumat-maklumat ini didapati menerusi kawan-kawan dan saudara-mara bakal pengantin. Mengikut sejarah merisik kaum India kadangkala orang tengah yang dikenali sebagai “tirimana taraga” yang akan membantu dalam kerja-kerja merisik ini. Akan tetapi tugas-tugas seperti ini telah diambil oleh ejen-ejen perkahwinan yang berdaftar pada hari ini.

Seperti juga didapati di dalam masyarakat Melayu, seiring dengan kunjungan ini disertakan juga dengan buah tangan seperti kelapa, buah pinang, cendana, buah-buahan, bunyi-bunyian serta serbuk kumkum juga akan dibawa. Buah tangan ini perlu diterima jika pihak pengantin perempuan menerima tujuan baik mereka itu dan janji dapat dimeteraikan jika pihak perempuan menerimanya. Jika tidak ia wajib dipulangkan kepada pihak lelaki dan rombongan pihak lelaki akan dilayan seperti tetamu biasa.

Pada masa yang sama pengantin perempuan akan memakai sari dan dipertanggungjawabkan untuk menghidang air kepada rombongan pengantin lelaki termasuklah pengantin lelaki itu sendiri serta memberikan layanan yang terbaik kepada mereka. Ini merupakan cara yang terbaik untuk pengantin lelaki melihat sendiri akan bakal calon isterinya. Sejurus lepas ini wakil pengantin perempuan seharusnya membalas kunjungan ini dengan berbuat sedemikian akan tetapi tanpa kehadiran pengantin perempuan itu sendiri. Dalam masyarakat India adat pen paarttal bagi pihak perempuan pula sama tujuannya seperti pihak lelaki iaitu untuk mengenal lebih lanjut akan bakal suami dengan mempelajari latar belakangnya.



*Wanita India memakai sari*

Bakal pengantin lelaki kemudian akan melafazkan janjinya untuk disatukan dengan bakal pengantin perempuan. Seterusnya perkahwinan akan diumumkan kepada kedua pihak keluarga dan sebagai tanda ikatan, sirih pinang akan bertukar tangan diantara kedua-dua pihak. Setelah upacara penukaran sirih ini selesai tarikh sebenar perkahwinan akan diumumkan juga tidak ketinggalan perbelanjaan perkahwinan juga akan diselesaikan di antara kedua-dua pihak termasuklah kos katering, kad jemputan kahwin dan juga persiapan-persiapan yang lain. Apabila kesemua langkah ini telah selesai upacara niecayam akan dilakukan dengan bertukar-tukar kalung bunga diantara kedua-dua pihak sebagai tanda persetujuan.

#### • Kaji Kecocokan/Keserasian Pengantin

Dalam masyarakat India terdapat juga kaedah-kaedah lain untuk mengkaji kesesuaian diantara kedua-dua bakal pengantin selain merisik. Ia dikenali sebagai Thairumanam Poruttam Paartal dan kajian ini dijalankan terlebih dahulu kerana dalam ajaran agama Hindu mereka tidak percaya kepada konsep penceraian. Terdapat 21 aspek yang perlu disertakan untuk menentukan kesesuaian di antara kedua-dua bakal pengantin tersebut melalui cara tilikan di antara yang masih diamalkan oleh kaum India adalah Tina poruttamatau Natcattira poruttam dan Kana poruttam.

#### • Parisam

Adat parisam terbahagi kepada dua iaitu



#### *Adat pemberian hadiah*

parisam biasa atau udan parisam. Parisam biasa adalah pemberian hadiah yang dijalankan lebih awal daripada hari perkahwinan, manakala udan parisam adalah pemberian hadiah yang dilakukan pada hari yang sama di sebelah pagi sebelum perkahwinan dilangsungkan. Dalam masyarakat India, parisam umpama sebuah majlis pertunangan. Adat pemberian parisam akan diadakan pada hari yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pihak pengantin lelaki akan menyediakan beberapa jenis hantaran dalam jumlah ganjil. Hantaran ini perlu disediakan oleh wanita yang sudah bersuami sahaja dan mereka dipanggil cumanggali. Parisam akan dibawa ke rumah pengantin perempuan diketuai oleh bakal pengantin lelaki dengan memakai pakaian tradisional masyarakat India. Pada masa yang sama alat muzik tradisional seperti naatasawaram



*Perkahwinan masyarakat India*

dan meelam dimainkan. Pihak perempuan akan menyediakan buyung yang dikenali sebagai puurana kumbum yang diletakkan di ruang tamu. Lampu minyak yang dipanggil sebagai kuttu vilakku diletakkan bersebelahan puurana kumbum sebagai menunjukkan kurniaan tuhan.

Bagi memulakan adat tersebut, upacara sembahyang akan dilakukan terlebih dahulu. Kemudian bapa pengantin perempuan akan membawa parisam yang mengandungi sari dan diberi kepada anaknya. Pada masa yang sama pengantin perempuan menulis sesuatu dengan menggunakan kunyit sebagai meminta restu daripada tuhan. Setelah itu barulah pihak lelaki dan jemputan lain boleh melihat puurana kumbum dengan lebih dekat lagi. Pada hari tersebut, bakal pengantin perempuan memakai sari parisam dan dipimpin keluar oleh seorang wanita lain ke ruang tamu. Pada masa ini beberapa orang saudara

mara boleh mengalungkan kalungan bunga pada bakal pengantin perempuan. Ini dikenali sebagai orrai-maalai atau kalungan tunggal. Pengiring akan memberi kad jemputan kepada kedua-dua pihak pengantin.

Tiga upacara penting iaitu mengunjungi rumah pengantin (pen paartal), adat ikat janji (niccayam) dan pemberian hadiah (parisam) merupakan adat yang sering dilakukan oleh masyarakat India. Namun begitu ada di kalangan mereka yang tidak lagi melakukan upacara tersebut untuk mengelakkan pembaziran.

#### • Upacara Sebelum Perkahwinan

Sebelum majlis perkahwinan berlangsung, terdapat beberapa perkara penting yang perlu dijalankan terlebih dahulu, antaranya :

#### • Kad Jemputan





*Upacara Perkahwinan*

Kad jemputan memainkan peranan yang penting dalam perkahwinan masyarakat India. Kad jemputan ini dibuat berdasarkan almanak Hindu. Kad jemputan yang telah dicetak disapu dengan serbuk kunyit cair sebagai lambang keharmonian. Beberapa keping kad jemputan dalam bilangan ganjil akan dibawa bersama ke kuil untuk dibawa bersembahyang (arccanai). Kad diletakkan di atas dulang bersama sirih, wang ringgit, kelapa, pinang dan sebagainya sebagai lambang kekayaan. Upacara ini dinamakan sebagai paanam paaku. Kemudian dulang akan dibawa ke rumah pengantin perempuan untuk diberi kepada pengantin lelaki dan begitulah sebaliknya.

#### • Penyediaan Thaali (Tjumaangalyam)

Thaali atau tjirumaangalyam merupakan lambang suci perkahwinan yang dikalungkan

pada leher kedua-dua pengantin. Pada thaali itu diikat segumpal benang putih yang disapu dengan kunyit. Terdapat pelbagai jenis thaali yang digunakan oleh masyarakat India seperti lingath thaali, pottut thaali, tennantthaali dan sebagainya. Ini disebabkan terdapat pelbagai suku di kalangan masyarakat India. Adat penyediaan thaali ini dilakukan tujuh atau sembilan hari sebelum hari perkahwinan. Pihak lelaki akan membawa emas, cendana, kumkum, sirih pinang, kelapa dan bayaran untuk pembuat thaali. Ini adalah untuk memastikan tukang thaali mengetahui hari yang sesuai untuk membuat thaali. Tiga hari sebelum perkahwinan, thaali akan diambil dan diletakkan di tempat sembahyang atas suruhan pembuat thaali. Selepas itu upacara sembahyang dilakukan dan ini dinamakan sebagai thaalippadaiyal. Dalam upacara itu bubur manis dan nasi manis disediakan termasuklah dhoti dan sari untuk pasangan pengantin. Secara umumnya

thaali tidak diwajibkan diperbuat daripada emas. Ini kerana thaali masih boleh dibuat daripada kunyit yang dikatakan lebih selamat dan tidak dicuri orang.

#### • Upacara Perkahwinan

Thirumanan bermaksud penyatuan atau ikatan suci melalui perkahwinan antara pasangan suami isteri agar kekal hingga ke akhir hayat. Terdapat tiga jenis perkahwinan dalam masyarakat India iaitu, Vaitikat Thairumanam, Tamil Thairumanam dan Diya Thairumanam yang mana perkahwinan ini dijalankan adalah berlandaskan aspek suku kaum. Majlis perkahwinan dimulakan dengan upacara niccayam (ikat janji) dengan memberi hadiah seperti pakaian dan lain-lain. Kad undangan disapu dengan air kunyit dibawa ke kuil dalam jumlah ganjil sebagai tanda rasmi undangan perkahwinan. Upacara Kanggenam iaitu menanam sebatang pokok yang lurus dan disapu dengan serbuk kunyit tiga hari sebelum hari perkahwinan dilangsungkan. Pengantin lelaki tidak dibenarkan keluar selama tiga hari sebelum hari perkahwinan.

Upacara perkahwinan dilakukan oleh pedanda dengan berdoa supaya pengantin hidup bahagia hingga hari tua. Pedanda akan menabur sembilan jenis bijirin setelah selesai acara menyarung cincin. Pengantin lelaki akan mengalungkan thaali yang diperbuat daripada benang yang disapu dengan kunyit dan hujungnya diikat dengan seketul kunyit kepada pengantin perempuan hingga aras dada. Kedua mempelai memberi hormat kepada ibubapa atau mertua dengan



*Perkahwinan masyarakat India*

menukar dulang berisi buah-buahan dan menyapu debu suci pada dahi pengantin.

Antara adat yang dilakukan untuk menghormati dan mendapat restu termasuklah menyerah sebiji kelapa yang dilubangkan pada bahagian atasnya, menuang air susu ke dalamnya, memberi sirih, mencium tapak kaki ibubapa (membasuh kaki ibubapa), memberi hadiah dhoti (bapa mertua) serta sari (ibu mertua) dan wang. Biasanya pasangan pengantin akan bertukar-tukar kalungan bunga sebanyak tiga kali dan berkongsi minum air susu bercampur pisang di dalam sebiji gelas. Upacara ini menandakan pasangan ini secara rasmi telah menjadi suami isteri.



*Mayat diletakkan diruang tamu.*

## Adat Kematian Masyarakat India

Masyarakat India mempercayai konsep kelahiran semula bahawa kematian adalah ibarat tidur dan mereka akan bangun selepas tidur. Sarjana India juga menyatakan kematian adalah perpisahan roh dan jasad. Jasad akan hancur tetapi roh kembali ke alam barzakh. Mayat masyarakat India dibakar atau dikebumikan.

### • Mengurus Mayat

Mayat si mati diletakkan di ruang tamu. Kepala mayat dihadapkan ke arah selatan. Lampu minyak atau kaamaatci amman vilakku dinyalakan, sebiji kelapa dibelah dua dan sirih pinang diletak berhampiran mayat. Kemenyan dan kapur barus diasap sebagai simbol ketenangan jiwa. Serbuk suci atau tiruniiru disapu pada dahi si mati sebelum upacara sembahyang. Sepanjang berada di rumah mayat perlu dijaga sebaiknya.

Ibu jari tangan dan kaki diikat dengan kain putih dan tangan diletakkan di atas dada. Mata ditutup rapat dan disapu kunyit untuk membunuh kuman kemudian dibalut dengan kain. Sirih pinang yang telah ditumbuk dimasukkan ke dalam mulut kemudian dibalut dengan kain, manakala lubang hidung disumbat dengan kapas. Duit syiling diletak di atas dahi. Air mawar direnjis pada mayat kemudian mayat diasapkan dengan kemenyan yang dibakar supaya mayat tidak berbau. Untuk menunjukkan kesedihan ahli keluarga, gambar-gambar yang tergantung diterbalikkan manakala barangan perhiasan dibawa keluar dari ruang tamu.

### • Upacara Vaaikkarisi

Selepas dimandikan dan dihias dengan cantik mayat dimasukkan ke dalam keranda bersama kapur barus supaya mayat tidak berbau. Sedikit beras dimasukkan ke dalam mulut si mati sebagai

tanda pemberian terakhir, dan inilah yang dinamakan vaaikkarisi.

#### • Kollic Catti

Kollic catti bermaksud periuk tanah liat yang mengandungi api. Periuk tersebut diangkat menggunakan pelepah kelapa yang dibelah tiga di bahagian hujung dan diikat pada periuk yang dibawa oleh ahli keluarga si mati sama ada anak atau pun bapa. Seseorang yang membawanya perlu mengiringi mayat. Lagu-lagu suci dimainkan hingga ke tempat pembakaran.

#### • Pembakaran

Keranda diusung ke tempat pembakaran menggunakan pengusung. Setiba di sana pembawa pengusung perlu membayar duit kepada penyelenggara sebagai upah menyediakan tempat pembakaran. Keranda digerakkan beberapa kali menghampiri tempat pembakaran bermula dengan mengubah posisi bahagian kaki dan kemudian bahagian kepala. Ini dipercayai membolehkan si mati berada di dalam perut Dewi Bumi. Tempat pembakaran diisi dengan kayu api dan mayat diletak di atasnya, ditutup semula dengan selapisan lagi kayu api dan tahi lembu kering serta direnjis minyak pembakar. Duit syiling dimasukkan ke dalam dhoti sebagai tanda keizinan mayat untuk dibakar. Upacara sembahyang dimulakan. Pembawa kollic catti mengelilingi mayat tiga kali mengikut arah jam. Pada pusingan ketiga mereka berada di hadapan mayat dan duduk melutut tetapi tidak menghadap mayat. Tiga batang kayu

yang menyala dicucukkan ke tanah satu persatu. Upacara ini bertujuan mengurangkan kesedihan keluarga si mati.

## Perayaan Masyarakat India

#### • Hari Deepavali

Hari Deepavali merupakan perayaan yang disambut oleh semua penganut yang beragama Hindu di seluruh dunia dan merupakan hari cuti di Malaysia. Perkataan Deepavali merupakan gabungan perkataan “Dipa” yang beerti cahaya dan perkataan “Gavali” yang bererti barisan. Perayaan Deepavali ini disambut pada hari ke 14 bulan Aipasi dalam kalendar Tamil (antara bulan Oktober dan November) dan juga dikenali sebagai pesta cahaya.



*Berpakaian cantik di hari perayaan*



Pelita yang dipasang dalam barisan dapat dilihat dinyalakan di rumah penganut Hindu bagi melambangkan kejayaan kebaikan mengatasi kejahatan yang dirayakan sebagai perayaan Deepavali. Pada pagi Deepavali, penganut Hindu akan menjalani mandi minyak yang melambangkan penyucian badan dan semangat.

Selepas upacara penyucian yang melambangkan permulaan yang baru, penganut Hindu akan mengunjungi kuil di mana patung dewa Hindu akan dikalungkan dengan kalungan bunga. Pada pintu masuk rumah penganut Hindu hiasan “kolam”, hiasan bunga halus yang dilakarkan di atas tanah yang biasanya diperbuat daripada bijirin pelbagai warna akan diletakkan. Hiasan “kolam” ini merupakan lambang penyembahan dewa Lakshimi, Dewa Kekayaan yang dipercayai hanya akan mengunjungi rumah mereka yang mempunyai hiasan “kolam” di pintu masuk rumah mereka.

#### • Hari Thaipusam

Hari Thaipusam merupakan satu perayaan yang disambut oleh masyarakat beragama Hindu bagi menghormati dewa Hindu, iaitu Lord Murugan. Perayaan ini disambut pada bulan kesepuluh dalam kalendar Tamil yang dikenali juga sebagai bulan ‘Thai’. Bagi penganut yang beragama Hindu, Thaipusam adalah hari untuk menghapuskan dosa-dosa dan bertaubat sepenuhnya akan kesalahan yang lepas.

Sebelum menyambut Thaipusam, penganut agama Hindu akan berpuasa selama sebulan



*Perayaan Thaipusam di Batu Caves*

untuk tujuan membersihkan jiwa. Dalam tempoh sebulan ini, mereka berpuasa dengan makan sayur sehari sekali dan sentiasa mengunjungi kuil. Dua puluh empat jam sebelum menyambut Thaipusam pula, mereka akan berpuasa sepenuhnya. Masyarakat yang beragama Hindu di Malaysia, biasanya akan menyambut perayaan Thaipusam ini di Batu Caves, iaitu sebuah tempat suci bagi masyarakat Hindu di sini.

Pada hari Thaipusam, penganut agama Hindu akan membawa patung Dewa Subramaniam, iaitu anak bongsu Dewa Siva, di atas pedati perak dan diarak dengan muzik tradisi. Selain itu, antara ciri utama perayaan Thaipusam ini, penganut agama Hindu juga akan membawa “kavadi”, iaitu

sebuah kerangka besi yang dihiasi dengan bunga, kertas berwarna-warni, dan buah-buahan segar yang dijunjung di atas bahu. Ini adalah sebagai tanda membayar nazar atau bertaubat kepada Dewa Subramaniam.

Bagi sesetengah penganut agama Hindu juga, mereka akan mencucuk logam atau besi yang menembusi kulit tubuh, lidah, pipi, dan anggota badan yang lain bagi tujuan membersihkan dosa dan menyucikan diri. Mereka akan berkumpul beramai-ramai sambil membawa “kavadi”. Biasanya, pembawa “kavadi” ini berada dalam keadaan terpukau sambil mengikut rentak lagu yang dimainkan. Di Malaysia, pembawa “kavadi” ini akan berarak dan menaiki 272 anak tangga di Batu Caves sehingga sampai di pintu gua dan meletakkan “kavadi” dihadapan patung

dewa. Selain itu, penganut agama Hindu juga akan membawa kelapa, madu, dan susu untuk dipersembahkan kepada dewa-dewa bagi mendapatkan restu.

#### • Hari Thaiponggol

Thaiponggol merupakan perayaan menuai yang diraikan mengikut kalendar Hindu. Disebabkan hari perayaan Thaiponggol ditetapkan dalam kalendar Hindu, hari Thaiponggol disambut berbeza dengan tempoh menuai yang sebenar. Pada kebiasaannya, orang-orang Tamil akan meraikan perayaan menuai Thaiponggol pada minggu kedua bulan Januari.

Pada subuh pagi Thaiponggol, para petani akan bangun dan memasak bijirin yang baru dituai yang dikenali sebagai Ponggol. Masakan Ponggol



*Perayaan Thaiponggal*

ini merupakan masakan hasil tuaian baru yang akan dipersembahkan kepada matahari pada waktu pagi. Pesta Thaiponggol merupakan hari bagi memuliakan Dewa Matahari yang penting kepada semua tanaman. Upacara penyembahan juga diadakan di kuil secara besar-besaran, dan di rumah secara kecil-kecilan.

Bagi perayaan di rumah, seluruh keluarga akan bangun awal dan mandi dan berpakaian cantik sebelum subuh. Semua ini dilakukan tanpa menggunakan cahaya. Apabila semua ahli keluarga telah bersedia, mereka berkumpul mengelilingi gubahan buah dan bunga. Hanya ketika itu lampu akan di gunakan. Gambaran kecantikan alam semulajadi mesti merupakan gambaran pertama dilihat pada waktu pagi. Pada pagi hari, makanan pagi dari tumbuhan sepenuhnya vegetarian akan dihidangkan kepada semua ahli keluarga.

## Kesimpulan

Amalan-amalan tradisi masyarakat India kebanyakan masih diamalkan hingga kini, namun begitu adat resam mereka juga turut mengalami perubahan mengikut kesesuaian peredaran masa.

## PENUTUP

“Bersatu kita teguh bercerai kita roboh”. Pepatah Melayu tersebut sangat sinonim dengan konsep perpaduan yang kita ingin lihat di negara Malaysia tercinta ini. Semua kaum mestilah mengambil peluang dan berusaha untuk mengenali antara

satu sama lain. Setiap kaum mempunyai nilai dan budaya tersendiri serta unik. Justeru mana-mana nilai yang positif daripada budaya lain seperti budaya bekerja dan budaya perniagaan orang Cina boleh dikongsi bersama kaum lain untuk berjaya.

Setiap kaum mempunyai peranan dan fungsi masing-masing dalam pembangunan negara. Oleh itu kita perlu saling bekerjasama dan menghargai peranan kaum-kaum lain. Generasi masa kini perlu bersama-sama mengekalkan keamanan negara dengan menunjukkan sikap perpaduan yang jitu. Jadikan peristiwa lalu sebagai sempadan dan pengajaran untuk pembentukan negara bangsa Malaysia yang mantap dan tidak rapuh dimamah zaman. Generasi muda ini juga perlu memahami dan mempelajari budaya kaum yang lain untuk mengelakkan prejudis sesama mereka. Keunikan masyarakat majmuk di negara ini perlu dipelihara untuk tatapan generasi akan datang dan pada masa yang sama menjadi contoh teladan kepada negara luar.



# RUJUKAN

Mardiana Nordin Hasnah Hussiin (2014), Pengajian Malaysia, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Masitah Mohd Ali, Siti Noryanie Yusoff, Kamsani Md Saad (2016), Nilai Masyarakat Malaysia, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

<https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/125>

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_India\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_India_Malaysia)

<https://www.umt.edu.my/index.php?go=highlight&id=105>

<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/141?language=my>

<https://tzkrh.com/pengertian-dan-sejarah-awal-hari-ray-a-aidilfitri/>

<https://fakulti.com/sejarah-peristiwa-penurunan-al-quran-nuzulquran/>

<https://shaarumathi.blogspot.com/2015/08/adat-kelahiran-bayi-kaum-india.html>

<https://warisanmalaysia.blogspot.com/2011/05/adat-kelahiran-masyarakat-india.html>

[https://1mbudaya.blogspot.com/2011/12/perayaan-perayaan-yang-disambut-oleh\\_3972.html](https://1mbudaya.blogspot.com/2011/12/perayaan-perayaan-yang-disambut-oleh_3972.html)

<https://www.sinarharian.com.my/article/56200/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Maulidur-Rasul-tanda-cinta-kepada-Nabi-Muhammad-SAW>



# LATIHAN PENGUKUHAN

## Bahagian A : Soalan Objektif

1. Amalan tahnik ketika menyambut kelahiran bayi dalam masyarakat Melayu adalah perkara sunah. Tahnik ialah perbuatan
  - A. Mengunyah buah tamar dan kemudian dicalit tamar tersebut pada lelangit mulut bayi.
  - B. Mengunyah buah zaitun dan kemudian dicalit tamar tersebut pada lelangit mulut bayi.
  - C. Mengunyah buah anggur dan kemudian dicalit tamar tersebut pada lelangit mulut bayi.
  - D. Mengunyah buah kelapa dan kemudian dicalit tamar tersebut pada lelangit mulut bayi.
  
2. Mengikut ajaran Islam semasa upacara akad nikah, \_\_\_\_\_ wajib dibayar oleh pengantin lelaki untuk menghalalkan pasangan suami isteri.
  - A. Hadiah
  - B. Mas kawin
  - C. Wang belanja
  - D. Barang hantaran
  
3. Dalam masyarakat Melayu, upacara mengkafan jenazah ke atas mayat lelaki menggunakan berapa lapis kain putih?
  - A. Satu lapis
  - B. Tiga lapis

- C. Lima lapis
  - D. Tujuh lapis
4. Mengapakah masyarakat Cina tidak membenarkan ibu mengandung melakukan kerja-kerja berat atau berbahaya?
- A. Dikhuatiri bayi yang lahir akan mengalami kecacatan.
  - B. Ibu mengandung akan berasa letih dan emosi terganggu.
  - C. Menjejaskan tahap kesihatan ibu dan bayi dalam kandungan.
  - D. Menyebabkan ibu dan bayi terkena sebarang gangguan yang tidak diingini.
5. Apakah warna pakaian yang perlu dipakai oleh ahli keluarga si mati bagi masyarakat Cina sepanjang tempoh berkabung?
- A. Biru
  - B. Hijau
  - C. Hitam
  - D. Merah
6. Dalam masyarakat Cina, apakah tujuan adat merisik dilakukan sebelum proses perkahwinan?
- A. Melihat rupa paras dan perawakan calon isteri.
  - B. Membincangkan tarikh perkahwinan dan jumlah hantaran.
  - C. Menyerahkan barang hantaran seperti pakaian, kain dan wang tunai.
  - D. Mendapatkan maklumat tentang nama, keturunan, peribadi, watak dan tingkah laku si gadis.

7. Mereka merupakan kaum wanita yang diberikan tanggungjawab untuk memulakan pelbagai upacara mengikut adat kaum India.
- A. Tok sami
  - B. Valaikaappu
  - C. Cumanggali
  - D. Tirimana taraga
8. \_\_\_\_\_ merupakan lambang suci perkahwinan yang dikalungkan pada leher kedua-dua pengantin kaum India.
- A. Niccayam
  - B. Thaali
  - C. Kollic
  - D. Dipa
9. Diantara berikut merupakan amalan masyarakat India ketika menyambut perayaan Thaipusam kecuali...
- A. Puasa satu bulan
  - B. Menghias kolam
  - C. Membawa kavadi ke Batu Caves
  - D. Berarak membawa patung Dewa Subramaniam

10. Apakah tujuan sambutan perayaan Awal Muharam mengikut tahun Islam (Tahun Hijrah)?
- A. Hari pertama dalam tahun Islam.
  - B. Hari Kesepuluh dalam tahun Islam.
  - C. Hari Kedua puluh dalam tahun Islam.
  - D. Hari Kedua puluh lima dalam tahun Islam.

## Bahagian B : Soalan Esei

1. Huraikan proses pengurusan jenazah dalam masyarakat Melayu apabila berlakunya kematian.
2. Adat resam perkahwinan masyarakat Cina bermula daripada merisik, meminang, bertunang sehinggalah berlangsungnya majlis perkahwinan. Jelaskan secara ringkas setiap peringkat adat resam perkahwinan tersebut.
3. Berikan gambaran bagaimana pesta Thaiponggol diraikan oleh masyarakat India.



# JAWAPAN LATIHAN PENGUKUHAN

## Bahagian A : Soalan Objektif

- |      |       |
|------|-------|
| 1. A | 6. D  |
| 2. B | 7. C  |
| 3. B | 8. B  |
| 4. A | 9. A  |
| 5. C | 10. A |

## Bahagian B : Soalan Esei

1. Semasa kematian- Berita tentang kematian seseorang perlu dimaklumkan kepada seluruh penduduk tempat tinggal si mati supaya persiapan dapat dilakukan dengan segera.

Memandikan jenazah- Ahli keluarga diberi keutamaan di dalam upacara memandikan jenazah.

Mengkafankan jenazah- Upacara mengafankan jenazah dilakukan dengan membalut seluruh tubuh mayat menggunakan kain putih.

Solat jenazah- Jenazah diletakkan di hadapan imam dan para jemaah untuk disolatkan. Solat jenazah boleh dilakukan di masjid ataupun di rumah.

Pengkebumian jenazah- Jenazah akan diusung ke tanah perkuburan oleh kaum keluarga dan sahabat handai sebagai penghormatan terakhir.

Selepas kematian- Setelah selesai upacara pengkebumian, keluarga terdekat dan sanak saudara akan mengadakan kenduri arwah (kenduri kepada si mati).

2. Merisik- Mengetahui latar belakang gadis. Masyarakat Cina mengambil berat tentang nama, keturunan, peribadi, watak dan tingkah laku si gadis. Merisik biasanya dilakukan di restoran dengan disertai saudara mara lain.

Memintang- Seorang wakil dipilih ke rumah perempuan untuk membincangkan perkara berkaitan perkahwinan (jumlah mas kahwin, peruntukan meja dan tarikh perkahwinan).



Bertunang- Bakal pengantin lelaki berkunjung ke rumah bakal pengantin perempuan untuk upacara bertukar cincin. Hantaran dan mas kawin lazimnya diberi semasa upacara tukar cincin.

Majlis Perkahwinan- Dilaksanakan setelah setahun bertunang atau mengikut tempoh yang dipersetujui kedua belah pihak. Kedua pengantin dihias cantik dan didudukkan atas pelamin. Selepas bersanding pengantin bertemu ahli keluarga dan saudara mara untuk meminta restu. Upacara minum teh lambang penerimaan si isteri dalam keluarga suami. Kemuncak perkahwinan ialah jamuan makan malam yang diadakan di dewan atau restoran.

3. Thaiponggol merupakan perayaan menuai yang diraikan mengikut kalendar Hindu. Disebabkan hari perayaan Thaiponggol ditetapkan dalam kalendar Hindu, hari Thaiponggol disambut berbeza dengan tempoh menuai yang sebenar. Pada subuh pagi Thaiponggol, para petani akan bangun dan memasak bijirin yang baru dituai yang dikenali sebagai Ponggol. Masakan Ponggol ini merupakan masakan hasil tuaian baru yang akan dipersembahkan kepada matahari pada waktu pagi. Pesta Thaiponggol merupakan hari bagi memuliakan Dewa Matahari yang penting kepada semua tanaman. Pada pagi hari, makanan pagi dari tumbuhan sepenuhnya vegetarian akan dihidangkan kepada semua ahli keluarga.



TERBITAN



e ISBN 978-967-0855-93-6

